


BAB 9

ANALISIS JENIS TANAH: PROFIL DAN TEKSTUR

Muhammad Firdaus Abdul Karim

PENGENALAN

Tanah adalah kulit bumi yang terdiri daripada campuran kompleks mineral, air, udara dan bahan organik (Soil Science Society of America, 2020). Tanah terbentuk melalui proses luluhawa fizikal, biologi dan kimia yang sangat perlahan. Terdapat lima faktor pembentukan tanah iaitu iklim (contoh: suhu dan hujan), organisma-organisma (contoh: haiwan, tumbuh-tumbuhan, bakteria, kulat dan manusia), topografi atau landskap (contoh: konfigurasi cerun, ketinggian atas aras permukaan laut), bahan induk (contoh: batu, sedimen di perairan permukaan, abu gunung berapi, bukit glasier, dll.) dan masa (contoh: hilang, tambah, translokasi dan transformasi komponen tanah) (Bockheim dan Hartemink, 2017). Faktor-faktor ini lebih dikenali dengan singkatan “CLORPT” (*C*limate + *O*rganisms + *R*elief/landscape + *P*arent material + *T*ime) dalam bahasa Inggeris (Soil Science Society of America, 2020). Interaksi antara faktor-faktor ini mempengaruhi kepelbagaian taburan jenis tanah di sekeliling dunia (Rajah 9.1).



Rajah 9.1: Peta taburan susunan atau *order* tanah global berdasarkan sistem taksonomi tanah USDA (Sumber: United States Department of Agriculture – USDA, 2005).